

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/1992

Mac/April 1992

BKT 473/4: HELMINTOLOGI PERUBATAN & VETERINAR

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

(BKT 473/4)

1. Dengan bantuan gambarajah, bezakan antara semua jenis *larva* cacing pita dari order Cyclophyllidea dari segi struktur mereka serta kerosakan kepada manusia.

(20 markah)

2. Apakah spesies cacing pita dewasa yang didapati dalam haiwan ruminan di kawasan tropika? Berikan simptom-simptom jangkitan oleh cacing pita ini serta langkah-langkah kawalan jangkitan ini.

(20 markah)

3. Tuliskan nota pendek tentang dua dari tajuk-tajuk berikut:

- (a) Peranan tabiat manusia dalam transmisi jangkitan fluk.

- (b) Langkah-langkah kawalan jangkitan fluk manusia.

- (c) Perbezaan morfologi antara fluk-fluk yang berikut:

Schistosoma, Paragonimus, Echinostoma, Clonorchis.

(20 markah)

...3/-

(BKT 473/4)

4. Namakan fluk-fluk hati yang menjangkiti haiwan veterinar. Huraikan kitar hidup untuk salah satu daripada cacing fluk hati ini dan bincangkan patologi penyakit.

(20 markah)

5. Apakah spesies-spesies cacing Nematoda usus manusia yang dibawa oleh tanah? Bincangkan faktor-faktor epidemiologi yang menyumbangkan kepada jangkitan ini di negara Malaysia.

(20 markah)

6. *Ascaridia galli* adalah parasit Nematoda dalam salur penghadaman unggas. Huraikan kitar hidup cacing ini, serta patologi dan simptom penyakit dalam unggas. Berikan langkah-langkah kawalan yang sesuai bagi jangkitan parasit ini.

(20 markah)

-ooo0ooo-